

Lebih 20,000 penjawat awam masih tunggu kuarters

EKSKLUSIF



Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Peruntukan RM310 juta untuk Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia dalam Belanjawan 2021 memberikan kelegaan kepada golongan itu terutama mereka yang masih menunggu kuarters sejak bertahun-tahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkata, bilangan penjawat awam yang masih menunggu giliran untuk mendapatkan kuarters khususnya di Putrajaya sehingga kini adalah sebanyak 20,798 orang.

Menurut beliau, jumlah itu agak tinggi berbanding jumlah keseluruhan unit kuarters di wilayah ini sebanyak 22,007 unit.

"Bilangan kuarters kosong yang telah siap dibaiki atau diselenggara di Putrajaya bagi ta-



KAKITANGAN awam perlu menunggu antara dua sehingga tiga tahun sebelum ditawarkan kuarters di Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

hun ini sehingga minggu kedua Oktober adalah sebanyak 2,090 unit.

"Namun, terdapat 946 unit kuarters yang belum dibaiki atau disenggara bagi tempoh sama manakala bilangan kuarters yang dalam proses pembai-

kan berjumlah 764 unit," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau pada masa sama menafikan terdapat kuarters terbiar di pusat pentadbiran kerajaan ini, sebaliknya ia dalam proses dibaiki atau masih belum diselenggarakan.

Ini termasuk, katanya, tidak ada isu melibatkan masalah peruntukan kerajaan memandangkan pihak Kementerian Kewangan membuat penyaluran peruntukan berdasarkan keperluan.

Walaupun bagaimanapun, katan-

ya, pengosongan kuarters tetap berlaku pada setiap hari selaras dengan persaraan pegawai, pertukaran luar stesen, perpindahan ke rumah yang dibeli serta lain-lain faktor.

"Analisis juga mendapati faktor utama peningkatan pengosongan kuarters sejak tahun 2017 adalah disebabkan perpindahan penjawat awam ke rumah sendiri, berikutan kebanyakan Projek Perumahan Penjawat Awam (PPAM) di Putrajaya telah siap sepenuhnya," katanya.

Menurut beliau, tempoh menunggu kuarters di Putrajaya adalah berbeza mengikut kelas kuarters yang dipohon.

Buat masa ini, kata beliau, secara umumnya, bagi pemohon dari kumpulan pelaksana, tempoh menunggu adalah sekitar dua hingga tiga tahun manakala bagi kumpulan pengurusan dan profesional pula adalah sekitar dua tahun.

Beliau turut memberitahu, bagi tempoh Januari hingga September tahun ini, sebanyak 503 unit penghuni kuarters dikenakan surcaj akibat pelbagai jenis kerosakan yang dilakukan ke atas kuarters yang diduduki.